

11/03/2000

Konsep pelancongan untuk remaja perlu disediakan

Prof Madya Dr Shaharuddin Tahir

PENEKANAN sesebuah kerajaan dalam mempromosikan pelancongan selalunya dikaitkan dengan faktor ekonomi. Bagaimanapun, promosi serta pembangunan sektor pelancongan perlu dilihat bukan sahaja dari sudut ekonomi tetapi juga sosial.

Antara sebab ekonomi ialah pelancongan dilihat sebagai penyumbang utama tukaran asing, memberi peluang pekerjaan kepada penduduk, menambah pendapatan negara melalui cukai dan penggerak kepada pembangunan atau perkembangan sektor lain yang berkaitan.

Hasil pelancongan juga digunakan untuk membiayai pembinaan infrastruktur ke tempat tarikan pelancong dan kemudahan itu boleh dinikmati bersama oleh penduduk setempat.

Dari segi sosial pula, pelancongan dijangka boleh menggalakkan integrasi penduduk berbilang kaum melalui kesedaran dan kefahaman mengenai budaya, persekitaran dan pembangunan atau perkembangan sosioekonomi sesuatu kawasan. Pelancongan juga menyumbang kepada kesefahaman antarabangsa, kemakmuran dan keamanan yang boleh menimbulkan sifat saling hormat menghormati hak asasi serta kebebasan individu tanpa mengira bangsa atau agama.

Bagi negara berbilang kaum seperti negara kita, hasilan sikap positif yang diperolehi melalui kegiatan pelancongan perlu disemai di kalangan remaja seawal mungkin. Ini selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pelancaran Festival Pelancongan Melaka 2000 di KLCC baru-baru ini. Beliau menyarankan pengusaha pelancongan tempatan menyediakan pakej pelancongan khusus untuk pelajar bagi menyemai rasa cinta dan memupuk taat setia kepada negara melalui pendedahan kepada warisan negara.

Saranan Perdana Menteri itu boleh membantu meningkatkan kegiatan pelancongan domestik. Melalui pelancongan domestik penduduk tempatanberpeluang berehat dan beriadah di samping menambah pengetahuan mengenai alam sekitar, pelbagai bangsa, budaya dan tempat bersejarah yang terdapat di dalam negara.

Untuk mencapai hasrat murni itu, pakej pelancongan kepada kumpulan pelajar selain bertujuan menyemai perasaan cinta mereka kepada keindahan semula jadi negara seperti pantai, pergunungan, air terjun serta taman hidupan liar dan taman perhilitan, pakej itu juga perlu mengandungi kegiatan yang boleh memupuk semangat menghargai warisan negara.

Pakej pelancongan mereka hendaklah merangkumi lawatan ke tempat bersejarah, tempat dikaitkan dengan penulis, pelukis, seniman atau tokoh negara, pusat sains, planetarium dan juga pusat kraftangan negara. Selain itu, pelajar perlu didedahkan kepada industri yang menjadi pengeluar utama hasil negara seperti industri kereta nasional, petroleum dan pertanian.

Untuk menjamin kejayaan pakej yang disarankan itu kerjasama pihak kerajaan dan juga swasta diperlukan untuk menyediakan infrastuktur asas seperti memperbanyakkan asrama belia atau tempat penginapan murah seperti yang berbentuk dormitari dan memberi potongan tambang perjalanan dalam negara.

Walaubagaimanapun, pelajar perlu didedahkan kepada konsep pelancongan itu sendiri. Ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan memperkenalkan konsep pelancongan dalam kurikulum pendidikan sekolah melalui subjek baru atau pun tambahan topik dalam kurikulum yang sedia ada.

Pelancongan untuk remaja sama ada persendirian atau berkumpulan sudah lama wujud di negara maju. Dalam konteks negara kita walaupun pelancongan bentuk itu masih baru tetapi melalui perancangan teliti, kerjasama erat antara agensi terbabit serta penyediaan pakej pelancongan yang menarik, ia bukan sahaja boleh membantu sektor ekonomi negara tetapi juga akan menghasilkan generasi muda yang sikap positif dan mempunyai rasa cinta dan taat setia kepada negara.

(END)